CABARAN

Bahasa Negara dalam Pendidikan

Oleh **HAMDAN AZMI ABD. AZIZ**

Sejarah pembangunan negara maju di dunia telah membuktikan keupayaan bahasa sendiri bagi memacu kemajuan negara itu. Misalnya, Jerman, yang dahulunya terlalu yakin dengan penggunaan bahasa asing bagi memacu pembangunan negara itu, menjadi tidak maju seperti yang diharapkan apabila menggunakan bahasa tersebut. Jerman kembali menggunakan bahasa sendiri dalam aspek pendidikan, terutamanya. Akhirnya Jerman maju setanding dengan Perancis dan negara Eropah yang lain.

Menurut tokoh bahasa, Hassan Ahmad, terdapat tiga tujuan utama pelaksanaan dasar bahasa dalam sistem pendidikan sesebuah negara. Yang pertama, sebagai alat perpaduan antara kaum dan lambang jati diri negara itu. Yang kedua ialah untuk menyelesaikan masalah kecekapan komunikasi pada peringkat pentadbiran yang mempunyai pelbagai bahasa, dan yang ketiga, sebagai nadi penting untuk membangunkan negara dalam bidang pendidikan, ekonomi, teknologi dan budaya. Hal ini bermakna bahawa dasar bahasa bukan sahaja tertumpu pada fungsi bahasa itu semata-mata, sebaliknya dasar ini penting untuk membantu negara itu dalam aspek perpaduan dan kemajuan, di samping menjadi bahasa utama pertuturan dalam masyarakat berbilang kaum.

Setelah negara kita mencapai kemerdekaan, kerajaan sedar bahawa usaha untuk menyatukan masyarakat pelbagai kaum merupakan cabaran yang amat besar. Oleh itu, pemimpin negara pada waktu itu telah mengambil langkah untuk mengatasi masalah ini melalui sistem pendidikan kebangsaan. Sistem pendidikan kebangsaan merujuk satu sistem yang seragam dengan menggunakan satu bahasa pengantar sahaja, iaitu bahasa Melayu.

Sistem pendidikan kebangsaan ini telah melalui beberapa proses transformasi, khususnya dalam pelaksanaan dasar bahasa. Kerajaan tidak hanya memberikan fokus terhadap pembangunan sistem pendidikan. Sebaliknya antara perkara pokok yang ditekankan termasuklah cara untuk sistem pendidikan ini menjadi medium penting bagi menyatukan masyarakat pelbagai kaum dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama ilmu.

Bahasa dan pendidikan, pada hakikatnya, saling berkaitan rapat. Sistem pendidikan yang berkualiti terbentuk daripada penggunaan bahasa yang mudah difahami oleh masyarakat setempat. Dengan kata lain, bahasa yang digunakan ialah bahasa utama negara tersebut yang sudah lama dijadikan sebagai bahasa pertuturan harian.

Bahasa Melayu dalam Ordinan Pelajaran 1957 dan Akta Pelajaran 1961

Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan secara jelas mewartakan kedudukan dan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara ini. Bahasa kebangsaan merujuk penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara dalam pentadbiran kerajaan, perhubungan awam, politik, dan ekonomi, serta sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara. Kedudukan yang tinggi dalam Perlembagaan Persekutuan ini secara khususnya dapat membantu langkah untuk mengembangkan dan mengukuhkan taraf serta fungsi bahasa Melayu ke arah menjadi bahasa ilmu moden.

Sejarah perkembangan pendidikan negara memperlihatkan bahasa Melayu dijadikan sebagai medium utama dalam sistem pendidikan kebangsaan. Dasar untuk memartabatkan penggunaan bahasa Melayu diterjemahkan melalui Penyata Razak 1957 yang menjadi Ordinan Pelajaran 1957. Ordinan ini mengesyorkan semua sekolah, termasuklah sekolah Cina dan Tamil, agar menggunakan sukatan pelajaran yang sama. Sukatan pelajaran yang sama membawa maksud penggunaan bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu, sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara. Ordinan ini juga secara jelas memperlihatkan peranan bahasa Melayu bukan sahaja sebagai bahasa perhubungan awam, sebaliknya peranan yang lebih besar adalah sebagai alat untuk menyatukan masyarakat pelbagai etnik, di samping memajukan sistem pendidikan negara.

Dasar bahasa diteruskan melalui proses penambahbaikan apabila kerajaan memperkenalkan Penyata Rahman Talib pada tahun 1960 dengan tujuan untuk memperbaiki kelemahan dalam Ordinan Pelajaran 1957. Penyata Rahman Talib mencadangkan agar semua sekolah rendah aliran jenis kebangsaan yang berbahasa pengantar Inggeris dijadikan sebagai sekolah kebangsaan. Cadangan ini diterjemahkan dalam Akta Pelajaran 1961. Kerajaan menukarkan bahasa pengantar darjah satu sekolah Inggeris kepada bahasa Melayu, sekali gus memperkukuh kedudukan dan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama ilmu pada peringkat sekolah.

Secara umumnya, dasar bahasa, melalui Akta Pelajaran 1961, membawa kemajuan terhadap fungsi bahasa Melayu. Perkara ini dapat dilihat apabila bahasa itu digunakan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1962. Pada masa yang sama, bahasa Melayu juga wajib dipelajari di maktab perguruan. Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1970, dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama ilmu, membuktikan bahawa bahasa itu mampu untuk menjadi medium pengembangan ilmu dalam bidang sains dan teknologi.

Pada tahun 1987, semua kursus pada peringkat ijazah pertama di institusi pengajian tinggi awam diajarkan dalam bahasa Melayu. Pejuang bahasa menganggap hal tersebut sebagai kejayaan dan kejayaan ini menjadi zaman keemasan bahasa itu. Pelaksanaan dasar bahasa membuktikan bahawa bahasa Melayu mampu untuk menggalas tugas sebagai medium utama perkembangan ilmu pada peringkat pengajian tinggi.

Dasar bahasa terus diperkukuh dengan pengenalan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. Akta ini mewartakan penggunaan bahasa Melayu dalam maksud rasmi kerajaan dan rakyat di negara ini. Undang-undang ini dapat memelihara taraf dan fungsi bahasa itu secara keseluruhannya dalam konteks penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Dengan kata lain, penggunaan bahasa Melayu dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan sebahagian daripada Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.

Pada masa yang sama, kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Kabinet 1974 untuk mengkaji Dasar Pelajaran Kebangsaan. Laporan Jawatankuasa Kabinet diterbitkan pada tahun 1979. Laporan ini memberikan fokus terhadap kepentingan penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai bidang. Kerajaan turut menegaskan bahawa bahasa kebangsaan merupakan bahasa pengantar utama ilmu dalam sistem pendidikan negara. Laporan Jawatankuasa Kabinet ini merupakan langkah pengukuhan pelaksanaan dasar bahasa dalam Akta Pelajaran 1961.

Pelaksanaan dasar bahasa dalam Ordinan Pelajaran 1957, Akta Pelajaran 1961, dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 membawa impak positif terhadap kemajuan sistem pendidikan kebangsaan yang berteraskan penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya. Pelaksanaan dasar bahasa yang konsisten merupakan elemen penting yang membawa kejayaan kepada bahasa Melayu sewaktu menjalankan fungsi sebagai medium penting pengembangan ilmu dalam pelbagai bidang, termasuklah sains dan teknologi.

Yang dapat dikatakan ialah bahawa pada zaman tersebut, keyakinan terhadap keupayaan bahasa Melayu telah mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan dasar bahasa. Antara kejayaan pelaksanaan dasar bahasa yang paling besar termasuklah bahasa Melayu mengambil alih peranan daripada bahasa Inggeris sepenuhnya pada peringkat sekolah pada tahun 1970. Hal ini sekali gus meningkatkan tahap keyakinan masyarakat terhadap keupayaan bahasa kebangsaan bagi memacu kemajuan pendidikan negara.



Penerbitan bahan bacaan akan memandaikan masyarakat Malaysia.

Bahasa Melayu dalam Akta Pendidikan 1996

Akta Pendidikan 1996, yang menggantikan Akta Pelajaran 1961, turut meletakkan fungsi bahasa Melayu pada kedudukan yang tinggi, iaitu sebagai bahasa pengantar utama ilmu dalam sistem pendidikan negara. Walau bagaimanapun, Fasal 17 dalam akta tersebut telah memberikan kelonggaran kepada institusi pendidikan tinggi swasta, dengan kuasa menteri, untuk menggunakan bahasa selain bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama ilmu. Pejuang bahasa menyuarakan bantahan terhadap kelonggaran tersebut dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu pada tahun 1998. Bagi mereka, kelonggaran ini perlu ditarik balik kerana memberikan kesan terhadap kedudukan serta fungsi bahasa Melayu sebagai pengantar utama ilmu.

Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama ilmu, seperti yang diwartakan dalam Akta Pendidikan 1996, semakin dihimpit apabila kerajaan memperkenalkan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris pada tahun 2002. Walau bagaimanapun, dasar ini telah dinilai kembali oleh kerajaan selama tempoh pelaksanaannya. Laporan Kementerian Pendidikan Tinggi menunjukkan bahawa pencapaian murid dalam bahasa Melayu jauh lebih tinggi daripada pencapaian bahasa Inggeris, sama ada di kawasan luar bandar ataupun di bandar, dalam keputusan peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah, peperiksaan Penilaian Menengah Rendah dan peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia.

Laporan *Trend in Mathematics Science Study 2007* juga menunjukkan bahawa pencapaian murid dalam subjek Matematik di Malaysia merosot dari tempat ke-10 pada tahun 2003 ke tempat ke-20 pada tahun 2007. Bagi subjek Sains pula, Malaysia, yang berada di tempat ke-20 pada tahun 2003, jatuh ke tempat ke-21 pada tahun 2007. Kejatuhan ini merupakan antara faktor yang mendorong kerajaan untuk memansuhkan Dasar Pengajaran Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris.

Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris digantikan dengan dasar baharu, iaitu Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris. Dasar ini lebih memberikan fokus terhadap usaha untuk memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ilmu pada peringkat sekolah dalam semua bidang. Namun demikian, penguasaan pelajar dalam subjek bahasa Inggeris tetap diberi keutamaan oleh kerajaan.

Perlaksanaan dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris menunjukkan bahawa kerajaan telah mengembalikan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam subjek Sains dan Matematik. Namun begitu, secara realitinya, dasar baharu ini, yang dilaksanakan pada peringkat sekolah, tiada kesinambungannya di institusi pengajian tinggi. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa sistem pendidikan negara, khususnya dalam aspek penggunaan bahasa pengantar, berbeza antara peringkat sekolah dengan peringkat pengajian tinggi.

Bagi pejuang bahasa, perbezaan ini berpunca daripada masalah ketidakyakinan segelintir rakyat negara ini terhadap kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi. Jika dilihat pelaksanaan dasar bahasa di institusi pengajian tinggi sebelum tahun 1993, amat jelas bahawa bahasa Melayu telah menjadi bahasa pengantar utama ilmu.

Kini Dasar Pendidikan Kebangsaan seolah-olah hanya diterapkan dalam sistem pendidikan pada peringkat sekolah rendah dan menengah. Kerajaan mengubah dasar bahasa di institusi pengajian tinggi pada tahun 1993 atas faktor untuk mempercepat kemajuan dalam bidang sains dan teknologi negara. Kesan perubahan dasar ini dapat dilihat dalam kajian Kementerian Pendidikan Tinggi pada tahun

Rusia, Perancis, China dan Jepun maju dengan menggunakan bahasa sendiri.

2011 apabila hanya 28 peratus kursus di institusi pengajian tinggi awam menggunakan bahasa Melayu berbanding dengan 68 peratus yang menggunakan bahasa Inggeris. Sewaktu pengenalan Wawasan 2020 pada 28 Februari 1991, bahasa Melayu tidak juga disebut sebagai medium utama untuk memacu kemajuan dalam bidang pendidikan negara. Sebaliknya tanggungjawab tersebut diberikan kepada bahasa Inggeris.

Bidang sains dan teknologi, yang menjadi penanda aras kemajuan sesebuah negara, termasuk Malaysia, dijadikan sebagai alasan utama untuk mengubah dasar bahasa di institusi pengajian tinggi. Walaupun bertentangan dengan Akta Pendidikan 1996, dasar ini tetap dilaksanakan atas alasan bahawa penggunaan bahasa Inggeris dapat mempercepat kemajuan dalam bidang sains dan teknologi negara. Sasaran kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan akademik di rantau ini turut mempengaruhi perubahan dalam sistem pendidikan pada peringkat pengajian tinggi. Untuk menarik lebih banyak pelajar luar negara belajar di negara ini, kerajaan mengambil langkah untuk menjadikan bahasa Inggeris sebagai medium utama pengembangan ilmu. Langkah ini berbeza dari sesetengah negara maju, seperti Rusia, Perancis, China dan Jepun. Semua negara ini sentiasa meletakkan bahasa nasional mereka sebagai bahasa utama walaupun terdapat pelajar dari negara lain yang melanjutkan pengajian.

Pelaksanaan dasar bahasa dalam Akta Pelajaran 1961 dengan Akta Pendidikan 1996 berbeza. Akta Pelajaran 1961 meletakkan kedudukan dan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama ilmu pada peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi. Yang dapat dikatakan ialah bahawa keyakinan golongan pemimpin pada waktu itu terhadap kemampuan bahasa Melayu mempengaruhi pelaksanaan dasar bahasa secara konsisten. Bahasa Melayu semakin mendapat kepercayaan masyarakat apabila dijadikan sebagai bahasa pengantar utama ilmu dalam bidang sains dan teknologi pada peringkat pengajian tinggi.

Dalam Akta Pendidikan 1996 pula, dasar bahasa seolah-olah hanya difokuskan pada peringkat sekolah. Pada peringkat pengajian tinggi pula, kerajaan memberikan ruang kepada institusi pengajian tinggi untuk menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama. Tiada sesiapa menafikan kepentingan bahasa Inggeris, tetapi matlamat asal sistem pendidikan kebangsaan ialah menjadikan bahasa Melayu sebagai wadah utama pengembangan ilmu selaras dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.

Cabaran terhadap Pelaksanaan Dasar Bahasa

Memang tidak dapat dinafikan bahawa cabaran yang paling besar dalam pelaksanaan dasar bahasa datangnya daripada orang Melayu sendiri. Tokoh matematik negara, Shaharir Mohammad Zain, menyebut bahawa cabaran itu datang "dari dalam pagar sendiri". Hal ini bermaksud bahawa dasar bahasa di negara ini mengalami kesukaran untuk dilaksanakan secara berterusan dan berkesan apabila orang Melayu sendiri tidak yakin dengan bahasa itu.

Hassan Ahmad turut menyatakan hal yang sama. Halangan utama untuk memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pada peringkat yang lebih tinggi ialah persepsi masyarakat terhadap bahasa itu. Kajiannya meletakkan tiga halangan utama terhadap perkembangan bahasa Melayu. Antaranya termasuklah persepsi

Bahasa Melayu mampu untuk membicarakan Sains dan Matematik.

atau konsep yang salah terhadap apa-apa yang disebut sebagai "bahasa maju" dan bahasa yang tidak maju, serta hubungannya dengan kemajuan manusia atau negara. Yang kedua, persepsi yang salah terhadap matlamat atau fungsi politik dasar bahasa atau bahasa Melayu. Yang ketiga ialah sikap orang Melayu terhadap bahasanya sendiri.

Sikap tidak yakin inilah yang membawa kewujudan dua sistem pendidikan tinggi yang menggunakan bahasa yang berbeza, iaitu bahasa Melayu yang masih digunakan di institusi pengajian tinggi awam tetapi semakin terjejas, dan bahasa Inggeris yang merupakan bahasa pengantar tunggal di institusi pengajian tinggi swasta. Senario berkenaan menggambarkan bahawa berlakunya krisis keyakinan terhadap kemampuan bahasa sendiri dan tanggapan bahawa bahasa Inggeris sahaja yang mampu untuk menjalankan fungsi sebagai bahasa ilmu, sekali gus dapat mempercepat proses pembangunan masyarakat Malaysia.

Isu Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris jelas menunjukkan sifat tidak yakin terhadap kemampuan bahasa Melayu untuk menjalankan fungsi sebagai bahasa ilmu dalam sistem pendidikan negara. Walau bagaimanapun, dasar tersebut dimansuhkan menjelang tahun 2012. Sewaktu pengenalan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris, kerajaan memberikan dua alasan yang dianggap konkrit untuk membenarkan penggunaan bahasa Inggeris dalam proses pembelajaran Sains dan Matematik. Alasan pertamanya ialah penggunaan bahasa Inggeris dapat mempercepat pembangunan dalam bidang sains dan teknologi, dan yang keduanya, dengan menggunakan bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik, bahasa Inggeris pelajar akan menjadi lebih baik. Kedua-dua alasan inilah yang telah menjatuhkan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu setelah menjalankan fungsi tersebut selama 30 tahun.

Kesan daripada Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris ini ialah ribuan istilah, termasuklah buku teks serta bahan rujukan yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, tidak digunakan. Selain itu, penulis tidak lagi berminat untuk menulis buku sains dan teknologi dalam bahasa Melayu kerana faktor pemasaran.

Sikap orang Melayu terhadap bahasa sendiri dengan masalah budaya bahasa juga menjadi cabaran terhadap pelaksanaan dasar bahasa. Orang Melayu tidak mementingkan mutu penggunaan bahasa. Sebagai contohnya, penggunaan ragam bahasa Melayu-bahasa Inggeris dalam pertuturan harian. Orang Melayu beranggapan bahawa penggunaan bahasa Melayu yang betul tidak penting bagi kemajuan mereka. Persepsi sedemikian sebenarnya membantutkan perkembangan bahasa Melayu untuk lebih maju pada peringkat yang lebih tinggi. Ilmu dan budaya tinggi tidak dapat dicetuskan melalui bahasa yang salah, bahasa ragam rendah, bahasa pasar, dialek setempat dan sebagainya.

Oleh itu, masalah ini dapat diatasi melalui pendidikan dengan menjadikan ilmu bahasa itu sebagai sistem budaya dan pemikiran. Dengan kata lain, bahasa Melayu sebenarnya bukan menghadapi masalah bahasa, tetapi masalah luar daripada bahasa itu sendiri, iaitu masalah yang berkaitan dengan sikap atau persepsi tidak yakin terhadap kemampuan bahasa tersebut.

Situasi yang berlaku di negara ini sekarang ialah masalah merancang dan melaksanakan dasar bahasa. Walau bagaimanapun, yang sering ditonjolkan ialah kelemahan bahasa Melayu untuk menjalankan tugas sebagai bahasa pengantar utama ilmu, khususnya di institusi pengajian tinggi. Keadaan ini mengakibatkan dasar bahasa di institusi pengajian tinggi diubah.

Sikap bermegah dengan bahasa Melayu sudah luntur pada semua peringkat lapisan masyarakat. Pada hari ini, kita tidak melihat kepemimpinan melalui teladan dalam konteks penggunaan bahasa Melayu. Orang Melayu lebih gemar untuk menggunakan bahasa rojak dalam pertuturan harian, manakala golongan elit pula menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan dalam situasi rasmi dan tidak rasmi. Sekiranya perkara ini dibiarkan, bahasa Melayu akan kehilangan jati diri. Semangat dan rasa bangga terhadap bahasa Melayu mestilah dipupuk dari semasa ke semasa. Tindakan untuk mencintai bahasa Melayu tidak bermakna kita meminggirkan kepentingan bahasa asing. Bahasa asing juga penting untuk proses pengembangan segala bidang ilmu.

Bahasa Melayu sering diragui kemampuannya bagi membicarakan bidang ilmu, khususnya sains dan teknologi. Golongan yang tidak yakin terhadap bahasa sendiri ini menganggap bahawa bahasa Melayu hanya sesuai digunakan dalam bidang bahasa dan sastera.

Bahasa Melayu sering diragui kemampuannya bagi membicarakan bidang ilmu, khususnya sains dan teknologi. Golongan yang tidak yakin terhadap bahasa sendiri ini menganggap bahawa bahasa Melayu hanya sesuai digunakan dalam bidang bahasa dan sastera. Sikap yang mengatakan bahawa graduan yang belajar dalam bahasa Inggeris lebih laku dalam pasaran kerja berbanding dengan graduan yang menggunakan bahasa Melayu turut menguasai pemikiran masyarakat kita. Hal ini berlaku bukan kerana bahasa Inggeris itu lebih maju atau bernilai tinggi, tetapi oleh sebab kita sendiri yang meletakkan nilainya sebagai akibat kealpaan, kerendahan nilai dan jati diri, dan kekaguman akan bahasa lain, khususnya bahasa Inggeris.

Pemegang ijazah aliran Melayu sentiasa menjadi pilihan kelas kedua atas sebab mereka tidak fasih berbahasa Inggeris.

Sebarang kempen penggunaan bahasa Melayu tidak mendapat sambutan yang baik daripada sektor swasta. Sektor swasta di Malaysia tidak sama dengan sektor swasta di Thailand, Indonesia dan negara maju. Semua negara ini lebih mengutamakan penggunaan bahasa sendiri dalam urusan pekerjaan harian. Dengan cara ini, bahasa kebangsaannya akan terus dihormati oleh seluruh masyarakat negara tersebut.

Masalah sikap terhadap kemampuan bahasa Melayu telah membawa kehilangan semangat patriotisme terhadap bahasa kebangsaan. Masyarakat Malaysia sekarang, khususnya orang kenamaan, telah meminggirkan penggunaan bahasa Melayu, sama ada dalam situasi rasmi ataupun tidak rasmi. Ada juga orang akademik yang lebih selesa untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam pertuturan harian walhal mereka orang Melayu dan bercakap sesama orang Melayu. Sikap tidak cinta kepada bahasa sendiri inilah yang menyekat usaha pemerkasaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pada peringkat pengajian tinggi.

Persoalan mampu atau tidak mampu terletak pada penggunanya. Pendidikan dalam bahasa Melayu atau bahasa nasional tidak merugikan sesiapa pun. Hal ini telah terbukti di negara maju. Oleh itu, andaian pihak yang menyatakan bahawa orang Melayu akan mundur apabila menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu utama sememangnya berdasarkan emosi semata-mata. Keraguan tentang kemampuan bahasa Melayu perlu dihapuskan. Bahasa itu mampu untuk mengungkapkan hal yang berkaitan dengan sains dan teknologi, sebagai contohnya.

Kita tidak mahu menerima kesan seperti yang terjadi di Singapura. Negara di seberang tambak itu, yang melaksanakan pendidikan dalam bahasa Inggeris selama 25 tahun, telah melahirkan generasi pemuda Cina yang hanya berjasad Cina, tetapi budayanya bukan Cina lagi.

Sikap meminggirkan bahasa sendiri dan mengagungkan bahasa asing sepatutnya tidak wujud dalam diri kita. Masyarakat kita pada hari ini tidak boleh menilai kedudukan seseorang itu dengan berdasarkan penguasaan bahasa asing. Persepsi seperti ini mengakibatkan kedudukan bahasa Melayu, sebagai bahasa lambang jati diri bangsa, terhakis. Sikap mengutamakan bahasa asing dalam situasi rasmi menunjukkan bahawa kita tidak lagi menghormati kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara ini.

Jika di negara sendiri bahasa Melayu tidak dimartabatkan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu, kita jangan mengharapkan bahasa itu berupaya untuk menjadi bahasa antarabangsa, seperti yang disasarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kesungguhan dan keyakinan terhadap kemampuan bahasa sendiri untuk menjalankan fungsi dalam pelbagai bidang, khususnya sebagai bahasa pengantar utama ilmu pada peringkat pengajian tinggi, dapat membantu usaha untuk memperkukuh kedudukan bahasa Melayu di negara kita.

Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa cabaran utama untuk melaksanakan dasar bahasa di negara kita ialah sikap tidak yakin terhadap kemampuan bahasa Melayu. Keupayaan dan kemampuan bahasa itu sering diragui, terutama selepas tahun 1996. Golongan elit Melayu menganggap bahawa untuk maju dengan lebih cepat, kita memerlukan bahasa yang telah maju. Dengan menggunakan kaedah ini, kemajuan negara, terutama dalam bidang sains dan teknologi, akan lebih mudah dan berkesan.

Pada hakikatnya, sejarah pembangunan negara maju di dunia ini memperlihatkan bahawa negara itu tidak meminggirkan peranan bahasa nasional dalam proses kemajuannya. Bagi rakyat negara itu, sesebuah negara memerlukan bahasa yang mudah untuk difahami oleh majoriti masyarakatnya, khususnya dalam proses perkembangan ilmu. Hal ini sama dengan situasi di negara kita apabila dasar bahasa, melalui Akta Pelajaran 1961, membuktikan kemampuan Bahasa Melayu, tetapi akta yang menggantikannya menyaksikan berlakunya perubahan terhadap dasar bahasa yang sedia ada.

Walau bagaimanapun, pejuang bahasa sentiasa menggesa kerajaan supaya menilai pelaksanaan dasar bahasa kembali, terutama pada peringkat pengajian tinggi. Keberkesanan pelaksanaan dasar bahasa memerlukan keyakinan yang tinggi, terutama golongan penggubal dasar kerajaan, agar dasar ini dapat dilaksanakan secara berterusan dan berkesan. DB

PELUANG PENULISAN

Anda kaya dengan idea?

Mulakan menggilap bakat anda dalam bidang penulisan di Dewan Bahasa dan Pustaka. Bermula dengan *Aku di Sebuah Pulau* dan *Cerita-cerita Lain* (1957), Dewan Bahasa dan Pustaka terus mengorak langkah menerbitkan beribu-ribu judul buku dalam pelbagai bidang dan peringkat pembaca. Dalam usaha menerbitkan buku umum, dewasa dan pengajian tinggi, Jabatan Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka mempelawa para penulis untuk menyumbang karya dalam bidang:

- **Sains Sosial dan Kemasyarakatan.**
- **Sains dan Teknologi.**
- **Agama, Falsafah dan Tamadun Islam.**

Kemukakan pertanyaan atau cadangan penulisan kepada:
Pengarah Jabatan Penerbitan,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Peti Surat 10803,
50926 Kuala Lumpur.

Panduan Penyediaan Kertas Cadangan Judul boleh didapati melalui:
http://www.dbp.gov.my